

03 NOV 2002

Asean-Thailand/I

THAILAND AKAN SERTAI PAKATAN PERANGI ANCAMAN KEGANASAN

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 3 Nov (Bernama) -- Thailand akan menyertai perjanjian yang telahpun ditandatangani Malaysia, Indonesia, Filipina dan Kemboja yang bertujuan untuk memudahkan kerjasama di kalangan negara yang menandatangani dalam memerangi keganasan semasa Sidang Kemuncak Asean ke-8 yang bermula di sini esok.

Semasa bercakap kepada pemberita sewaktu tiba di sini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata ini akan merangsangkan usaha negara anggota Asean untuk menangani ancaman keganasan di rantau ini.

Malaysia, Indonesia dan Filipina menandatangani pertukaran maklumat dan pembentukan prosedur komunikasi di Kuala Lumpur pada Mei. Ia kemudian disertai Kemboja.

Perjanjian itu, satu lagi usaha untuk melengkapkan mekanisme Asean menentang keganasan dan jenayah merentasi sempadan yang lain, berhasrat untuk membentuk satu rangka kerja bagi memudahkan usaha bersama di kalangan negara yang menandatangani perjanjian untuk memerangi ancaman itu.

Syed Hamid berkata para pemimpin Asean juga akan mengeluarkan satu deklarasi berasingan yang menarik perhatian kepada keazaman kumpulan itu untuk menangani gejala berkenaan terutama selepas peristiwa letupan bom di pulau peranginan Bali, Indonesia pada 12 Okt lepas dan beberapa serangan bom di Filipina.

"Kita anggap sikap kita yang serius (dalam menangani soal keganasan) perlu dimuatkan dalam satu deklarasi mengenai keganasan yang mengambil kira usaha kita menggembelng tenaga bagi memastikan perilaku ganas tidak boleh diberikan sokongan.

"Ini menunjukkan komitmen negara-negara Asean terhadap usaha membanteras keganasan," katanya.

Selain itu, Syed Hamid berkata ketua-ketua negara Asean akan mengeluarkan kenyataan mengenai Iraq, krisis Semenanjung Korea dan kemelut di Asia Barat.

Mengulas lanjut mengenai keadaan di Iraq, menteri itu berkata perkara itu hendaklah ditangani dengan dialog dan penglibatan pelbagai pihak menggunakan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai pertubuhan bagi menyelesaikan konflik di sana.

Iraq menghadapi kemungkinan diserang Amerika kerana dituduh memiliki senjata yang membawa kemusnahan teruk.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini petang ini untuk menghadiri sidang kemuncak itu, yang pertama dihoskan oleh negara anggota terbaru Asean, Kemboja, yang menyertai kumpulan itu pada 1999.

-- BERNAMA

MAM MUN AFY RON